

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
<b>2/2010</b>	<b>30/04/2010</b>	<p><b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN</b></p> <p><b>1. KERTAS JPN Sel. Bil.1/2/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2020 (Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2) Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>membuat pertimbangan:-</b></p> <p>i. <b>Memperaku</b> dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2020.</p> <p>ii. <b>Bersetuju</b> dengan pandangan Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam terhadap perkara yang dimaklumkan di para 5.0;</p> <p>iii. <b>Bersetuju</b> dengan pertukaran nama DRT MBPJ 2020 kepada <b>DRTPJ 2</b>;</p> <p>iv. <b>Bersetuju</b> meluluskan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2020 (Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2) dengan mengambilkira perkara-perkara berikut :</p> <p>a. <b>Menyediakan satu hospital</b> di dalam kawasan MBPJ dan UPEN hendaklah memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan melalui projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10);</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>b. Penyediaan tokong Vihara Buddha perlu mematuhi keperluan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor;</p> <p>c. Lot-lot perumahan di sepanjang Jalan SS 21/1 dizonkan sebagai kawasan '<b>Perdagangan Terhad</b>'. Tuan tanah boleh menukar syarat tanah dari perumahan kepada perniagaan bagi lot-lot perumahan yang telah dikenalpasti dan kadar premium hendaklah disemak semula; dan</p> <p>v. <b>Bersetuju</b> mengemukakan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2020 (Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2) kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan pewartaan.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN</b>	
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Asas Rujukan Rancangan Tempatan Klang (Pengubahan) 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Terhadap cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Tempatan Klang (Pengubahan) 2020; dan</p> <p>ii. Program Publisiti Awal dan Penyertaan Awam diadakan bagi mendapatkan maklumbalas awal daripada pelbagai pihak mengikut peruntukan Seksyen 12A Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).</p>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI PENGAWALAN PERANCANGAN</b>	
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil. 3/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Pemajuan Di Bawah Subseksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) :</b></p> <p><b>Permohonan Kebenaran Merancang Dan Pecah Sempadan Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur (Perumahan Dan Perniagaan) KTN Di Atas Lot 51795 (Lot Asal 6415) Dan Lot 51966 – Lot 51967 (Lot Asal 6412), Jalan Banting, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Khoo Soon Lee Realty Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. <b>Menimbang dan memperakukan secara dasar</b> Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur (Perumahan &amp; Perniagaan) di atas Lot 51795 (Lot Asal 6415) Dan Lot 51966 – Lot 51967 (Lot Asal 6412), Jalan Langat, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Khoo Soon Lee Realty Sdn. Bhd.;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>ii. Pihak pemaju hendaklah mengambilkira perkara-perkara berikut di dalam pelan susunatur iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menyediakan <b>dua (2) tapak rezab tadika awam</b> di dalam tapak cadangan;</li> <li>b. <b>Menyediakan tapak perkuburan seluas 5 ekar</b> selaras dengan keperluan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor bagi kawasan cadangan pemajuan yang melebihi 250 ekar;</li> <li>c. Memastikan <b>penyediaan infrastruktur yang lengkap</b> sebelum pemajuan dilaksanakan seperti jalan, bekalan air dan elektrik;</li> <li>d. Semua <b>tapak kemudahan awam diserahkan kepada Kerajaan</b> dan dinyatakan dengan jelas di atas pelan susunatur;</li> <li>e. Menyediakan <b>Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah dan Rumah Kos Sederhana</b> yang diintegrasikan dengan pembangunan perumahan kategori lain dan diserahkan kepada beberapa lokasi;</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>f. Menyediakan <b>zon penampungan</b> yang mencukupi bagi kawasan perumahan yang bersempadan dengan kawasan industri ( kategori industri yang dibenarkan bagi kawasan industri yang bersebelahan dengan kawasan perumahan adalah industri ringan dan sederhana sahaja );</p> <p>g. <b>Menyediakan rezab rumah ibadat dan sekolah jenis kebangsaan Cina (5 ekar)</b> perlu diambilkira dalam cadangan pemajuan;</p> <p>h. <b>Menyemak semula</b> keperluan cadangan kawasan perniagaan yang disesuaikan dengan keperluan pasaran semasa; dan</p> <p>i. <b>Memperakukan</b> cadangan pemajuan ini untuk mendapat pandangan dan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengikut Subsekyen 22(2A) Akta 172 bagi kategori pembangunan satu perbandaran baru dan meliputi kawasan lebih dari 100 hektar.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil. 4/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Pemajuan Di Bawah Subseksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) :</b></p> <p><b>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah Kepada Plot-Plot Industri (MARITIM) Dan Tapak Selangor Yatch Club Di Atas Lot 74082, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Inai Kiara Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>membuat pertimbangan:-</b></p> <p>i. <b>Meluluskan secara dasar</b> Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah Kepada Plot - Plot Industri (Maritim) Dan Tapak Selangor Yatch Club Di Atas Lot 74082, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor.</p> <p>ii. <b>Bersetuju</b> Majlis Perbandaran Klang untuk meminda zoning gunatanah daripada perumahan kepada perindustrian dan membuat pengubahan Rancangan Tempatan Klang (2002 – 2015) dengan mematuhi keperluan Seksyen 16 dan seterusnya Subseksyen 12 (8) dan (9), dan Seksyen 13, 14 dan 15 hendaklah terpakai berhubung dengan pengubahan tersebut;</p> <p>iii. <b>Mematuhi</b> ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal dan hendaklah mendapatkan kelulusan EIA dan TIA; dan</p> <p>iv. <b>Memperakukan</b> cadangan pemajuan ini untuk mendapat pandangan dan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengikut Subseksyen 22(2A), Akta 172</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			bagi kategori pembangunan suatu perbandaran baru dan meliputi kawasan yang lebih daripada 100 hektar.
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil. 5/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Kajian Pindaan Nisbah Plot Dan Insentif Penyediaan Sebanyak 30 Peratus (30%) Tempat Letak Kereta (TLK) Bagi Pembangunan Komersil (Pejabat Korporat, Hotel/Soho, Pangsapuri Servis Dan Podium Perniagaan) Di Atas Lot- Lot 7674-7678, 8299, PT 4861 Dan PT 4870 Seksyen 2, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. <b>Meluluskan</b> permohonan pindaan nisbah plot daripada 1:4 kepada <b>1:8.5</b>;</p> <p>ii. <b>JPBD</b> Negeri Selangor dan MPAJ hendaklah <b>menyemak semula permohonan pemberian insentif</b> pengurangan penyediaan Tempat Letak Kereta (TLK) untuk Podium Perniagaan, Pejabat Korporat dan Hotel / SOHO;</p> <p>iii. <b>Mematuhi</b> ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal dan ulasan JPBD Negeri Selangor seperti berikut :</p> <p>a. Pembangunan dilaksanakan selaras dengan Dasar Pembangunan Semula Bandar (<i>Urban Regeneration</i>) sebagai salah satu konsep untuk membangunkan kawasan pusat bandar yang usang;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>b. Mengaplikasikan konsep '<i>Transit Oriented Development</i>' (<i>TOD</i>) iaitu pembangunan bandar yang diintegrasikan dengan sistem pengangkutan awam berkonsepkan transit;</p> <p>c. Pelaksanaan Amalan Perancangan Terbaik (<i>Best Planning Practice</i>) yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 3/2008 pada 20hb. November 2008 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemakaian sasaran 1,000 penduduk / 2 hektar kawasan lapang yang boleh dilaksanakan melalui penyediaan taman atas bumbung, kemudahan di antara bangunan, tingkat bawah dikosongkan untuk kegunaan komuniti;</li> <li>• Penyediaan 'perimeter planting' minima 10 kaki termasuk anjakan bangunan;</li> </ul> <p>d. Mematuhi Manual Garis Panduan Piawaian dan Perancangan Negeri Selangor bagi penyediaan Tempat Letak Kereta dan Motorsikal bagi pembangunan perniagaan;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>e. Mengenalpasti kaedah penyuraian trafik dan menaiktaraf Jalan Jelatek dan Jalan Enggang;</li> <li>f. Memastikan cadangan pembangunan ini berintegrasi dengan stesen LRT Jelatek bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam;</li> <li>g. Menyediakan akses yang berasingan bagi pembangunan Pangsapuri Servis (1 &amp; 2), Hotel / SOHO, Pejabat Korporat dan Podium Perniagaan;</li> <li>h. Mengaplikasikan kriteria-kriteria 'Green Building Index' seperti 'Energy Saving', 'Water Efficiency System' di dalam rekabentuk pembangunan;</li> <li>i. Mengambilkira keperluan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU).</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil. 6/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Pelan Induk Strategik Bandar Wawasan Selangor (Selangor Vision City-SVC), Mukim Sungai Buloh, Mukim Damansara &amp; Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling Dan Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Sime Darby Property Berhad.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju terhadap :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resolusi-resolusi yang telah diputuskan semasa Sesi Pembentangan Khas Cadangan Pembangunan SVC pada 02.03.2010 di Shah Alam Convention Centre, Shah Alam;</li> <li>ii. Isu-isu, mekanisma dan garis panduan terperinci berkaitan konsep-konsep dan idea-idea baru yang memerlukan penyelarasan hendaklah dibincang dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar dan Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor serta dibentangkan untuk persetujuan Jawatankuasa Perancang Negeri dari semasa ke semasa;</li> <li>iii. Pihak pemaju boleh mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Selayang; dan</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>iv. Memastikan supaya sempadan daerah di antara Daerah Gombak dengan Petaling ditentukan dengan menyediakan sempadan fizikal seperti jalan di dalam pelan susunatur.</p>
		<p align="center"><b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI KEPUTUSAN/ ARAHAN/ MAKLUMAN</b></p> <p><b>7. KERTAS JPN Sel. Bil. 7/2/2010</b></p> <p><b>Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) :</b></p> <p><b>Cadangan Pembangunan Bercampur Di Pekan Pasir Penambang Melalui Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Tanah Lot 14, 15, 27, 32, 469, 474, 617, 618, 619, 620 Dan 655 Kampung Pasir Penambang, Mukim Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. MDKS mempertimbangkan pemberian Kebenaran Merancang terhadap cadangan pembangunan tersebut dengan mengambilkira perkara-perkara berikut :</p> <p>a. Mematuhi ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal;</p> <p>b. Mematuhi Keputusan JPNS Bil. 1/2009 bertarikh 17.02.2009;</p> <p>c. Mematuhi Keputusan Mesyuarat MPFN Bil. 1/2010 bertarikh 17.03.2010;</p> <p>d. <b>Lot pertanian seluas 66.74 ekar</b> di bahagian utara tapak dikeluarkan daripada tapak cadangan pemajuan. Sebarang pemajuan di</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>atas lot ini <b>ditangguhkan</b> sehingga Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2015 dipinda;</p> <p>e. <b>Menyediakan tapak perkuburan seluas 3 ekar</b> selaras dengan keperluan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor bagi kawasan cadangan pemajuan yang melebihi 250 ekar; dan</p> <p>f. Mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh pihak MDKS.</p>
		<p><b>8. KERTAS JPN Sel. Bil. 8/2/2010</b></p> <p><b>Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) :</b></p> <p><b>Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 246, 300, 660-663, 1028, 1029, 1070 Dan Lot 1127, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. MPKj mempertimbangkan pemberian Kebenaran Merancang terhadap cadangan pembangunan tersebut dengan mengambilkira perkara-perkara berikut :</p> <p>a. Mematuhi ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal;</p> <p>b. Mematuhi Keputusan JPNS Bil. 3/2009 bertarikh 16.06.2009;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>c. Mematuhi Keputusan Mesyuarat MPFN Bil. 1/2010 bertarikh 17.03.2010; dan</p> <p>d. Mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh pihak MPKj.</p>
		<p><b>9. KERTAS JPN Sel. Bil. 9/2/2010</b></p> <p><b>Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) :</b></p> <p><b>Cadangan Pembangunan Bercampur Bagi Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian Di Atas Sebahagian Lot 34021, 34022, 34023 Dan 34026, Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. MPK mempertimbangkan pemberian Kebenaran Merancang terhadap cadangan pembangunan tersebut dengan mengambilkira perkara-perkara berikut :</p> <p>a. Mematuhi ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal;</p> <p>b. Mematuhi Keputusan JPNS Bil. 2/2009 bertarikh 21.04.2009;</p> <p>c. Mematuhi Keputusan Mesyuarat MPFN Bil. 1/2010 bertarikh 17.03.2010; dan</p> <p>d. Mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh pihak MPK.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>10. KERTAS JPN Sel. Bil. 10/2/2010</b></p> <p><b>Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2009.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>mengambil maklum</b> :-</p> <p>i. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Tahun 2009 seterusnya <b>bersetuju</b> terhadap cadangan penambahbaikan pelaksanaan MURNInet di PBT.</p>
		<p><b>11. KERTAS JPN Sel. Bil. 11/2/2010</b></p> <p><b>Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT JPNS) Bil. 1/2010 Pada 22 April 2010.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. <b>Mengambil maklum</b> akan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPNS Bil. 1/2010.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
		<b>4.1 Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara (RFN 2).</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JPBD Selangor telah mengemukakan ulasan kepada JPBD SM melalui surat bil. JPBD Sel./P1/0010 Vol. 4 (17) bertarikh 06.04.2010.</li> <li>- UPEN Selangor dan JPBD Selangor telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk RFN di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 05.04.2010.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>
		<b>4.2 Kertas Persetujuan Untuk Permohonan Projek-Projek Rancangan Pembangunan Di Bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) Bagi Negeri Selangor.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Permohonan Projek-projek RMK-10 serta cadangan 'Rolling Plan' 2011-1012 telah dikemukakan kepada JPBD SM melalui surat bertarikh 05.02.2010.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.3 Permohonan Pertimbangan Dan Kelulusan Jawatankuasa Terhadap Arahan Kepada Pemaju Tetuan Centralfields Sdn.Bhd. Untuk Meminda Pelan Susunatur Bagi Sebahagian Kawasan Pembangunan Seluas 300.00 Ekar Di Nusa Rhu, Seksyen U10, Shah Alam Yang Terlibat Dengan Cadangan Jalan Keluar Masuk Ke Tapak Pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn.Bhd., Tetuan Indi Makmur Sdn. Bhd. Dan Tetuan Lunar Hati Sdn. Bhd. Di Seksyen U10, Shah Alam Selaras Dengan Pelan Induk Seksyen U10.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>MBSA</b> telah mengambil maklum keputusan ini dan tindakan susulan telah diambil dengan memaklumkan kepada pemaju-pemaju berkaitan.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit</b></li> </ul>
		<p><b>4.4 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Susunatur Pembangunan Bercampur Seluas 465.22 Ekar, Di Atas PT 8(Lot 8098) &amp; PT 9 (Lot 8091), Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Seksyen U12, Shah Alam Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Jendela Hikmat Sdn. Bhd.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JPBD Selangor akan mengemukakan Cadangan pemajuan ini kepada MPFN untuk mendapat nasihat dan pandangan mengikut mengikut Subsekyen 22(2A), Akta 172. Walau bagaimanapun, ianya perlu ditangguhkan sehingga proses pindahmilik tanah kepada JKPTG diselesaikan merujuk kepada keputusan mesyuarat penyelarasan Kebenaran Merancang oleh Tetuan Jendela Hikmat Sdn.Bhd yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' SUK Selangor pada 23.04.2010.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>

## SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	AGENDA / KERTAS RINGKASAN	KEPUTUSAN
		<p><b>4.5 Kertas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JPBD Selangor telah mengadakan mesyuarat bersama MPS &amp; Tetuan TPPT Sdn. Bhd. pada 31.03.2010 yang dipengerusikan oleh Pengarah JPBD Selangor.</li> <li>- Secara keseluruhannya, pihak pemaju telah bersetuju untuk meminda pelan susunatur selaras dengan syarat-syarat jawatankuasa.</li> <li>- JPBD Selangor akan mengemukakan cadangan pemajuan ini kepada MPFN untuk mendapat pandangan dan nasihat mengikut subsekyen 22(2A) Akta 172.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>
		<p><b>4.6 <i>Central Forest Spine : Masterplan For Ecological Linkages.</i></b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahagian Perancangan Wilayah JPBD SM bersedia bekerjasama membantu pihak JPBD Negeri dalam menyediakan Pelan Tindakan berkaitan.</li> <li>- Jabatan telah mengambil kira Kajian CFS terutama SL3 di dalam penyediaan DRT Daerah Hulu Selangor 2020.</li> <li>- Rundingan secara berterusan akan diadakan dengan Jabatan-Jabatan berkaitan.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.7 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- MMKN ke-9 yang bersidang pada 10.03.2010 telah meluluskan Draf RKK Bandar Pelabuhan Klang untuk pewartaan dan disahkan dalam MMKN Ke-10 bertarikh 17.03.2010.</li> <li>- JPBD Selangor sedang dalam tindakan untuk menguruskan proses pewartaan RKK Bandar Pelabuhan Klang.</li> <li>- <b>Perkara ini dipohon keluar minit.</b></li> </ul>
		<p><b>4.8 Rayuan Permohonan Pemberimilikan Tanah Oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Untuk Tanah Perkuburan Di Atas Lot 1147, Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak Majlis telah mengeluarkan surat peringatan kedua kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) berkenaan dengan permohonan mendapatkan status perancangan terbaru terhadap lot 1147 melalui surat bertarikh 23.02.2010.</li> <li>- Pihak Majlis telah mengemukakan satu lagi surat kepada KWPKB bagi mendapatkan maklum balas pada 08.04.2010.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.9 Cadangan Untuk Membatalkan Pengenaan Bayaran Caruman Infrastruktur Sosial Bagi Pembangunan Melebihi 1 Hingga Kurang 5 Ekar Dalam Negeri Selangor.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- PTGS masih dalam proses penyediaan surat pembatalan pekeliling PTG berkaitan dengan pengenaan bayaran caruman infrastruktur.</li> <li>- PTGS telah merujuk kepada Pegawai Undang-Undang PTGS berhubung dengan isu pelan pra-hitung yang ditolak oleh pihak PTGS sepertimana yang dibangkitkan oleh wakil MPK &amp; MPSJ di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010 bertarikh 02.02.2010.</li> <li>- PTGS memaklumkan bahawa penggunaan plan pra-hitungan adalah dibenarkan bagi mendapatkan kelulusan pewartaan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Namun demikian, untuk tujuan penyiaran warta di dalam Warta Kerajaan Negeri, pemohon perlulah mengemukakan Pelan Akui (P.A.). Bagi tujuan pewartaan, P.A. adalah diperlukan memandangkan ketetapan maklumat berkaitan kawasan yang ingin diwartakan serta disahkan oleh pihak JUPEM.</li> <li>- PTGS tidak pernah pada bila-bila masa menolak permohonan pewartaan dengan menggunakan pelan tersebut. Ini kerana di dalam surat pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil.3 Tahun 2008 – Tatacara Kerja Pewartaan Tanah Lapang</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Negeri Selangor, di dalam perkara 5, jelas menyatakan bahawa penggunaan pelan pra-hitung adalah memadai untuk mempercepatkan proses pewartaan.</p>
		<p><b>4.10 Rayuan Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Pembangunan Satu Blok Bangunan Pejabat 9 Tingkat Berserta 2 Tingkat Sub Basemen Tempat Letak Kereta Di Atas Sebahagian Lot 22395, Persiaran Perpaduan, USJ 6, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Bagi Pemohon Tetuan Pujangga Budiman Sdn. Bhd.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat telah diadakan pada 19.03.2010 untuk memberi penerangan kepada Ahli Majlis mengenai kesanggupan MPSJ menanggung liabiliti dan implikasi akibat daripada pembatalan Kebenaran Merancang untuk TM Facilities Sdn. Bhd. dan Pujangga Budiman Sdn. Bhd. berdasarkan Peruntukan Seksyen 25 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).</li> <li>- Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan Pengarah JPBD Selangor telah hadir pada sesi awal mesyuarat bagi memberi penerangan kepada Ahli Majlis.</li> <li>- Majlis telah mengadakan semula Mesyuarat Biasa bagi mendapatkan maklumbalas mengenai isu yang sama pada 27 April 2010 di mana En. Roslan Shahir bin Datuk Mohd. Shahir (Ahli Majlis) telah mengemukakan usul membuat keputusan secara undian (angkat tangan). Usul ini tidak mendapat bantahan daripada Ahli Majlis. Oleh itu undian telah dijalankan</li> </ul>

## SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	AGENDA / KERTAS RINGKASAN	KEPUTUSAN
			<p>secara teratur mengikut Perintah Tetap Mesyuarat, Majlis Perbandaran Subang Jaya, 2007. Berdasarkan proses undian tersebut, keputusan majoriti iaitu sebelas (11) undian daripada 20 ahli majlis yang hadir, telah bersetuju untuk menarik balik keputusan pembatalan kebenaran merancang yang dibuat di dalam Mesyuarat Khas Majlis bertarikh 28 Oktober 2009. Di atas keputusan majority tersebut, Majlis bersetuju supaya kebenaran merancang yang diberi melalui Borang C1 bertarikh 12 Mei 2009 dikekalkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jawatankuasa <b>membuat pertimbangan</b> :             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengesahkan keputusan Majlis supaya kebenaran merancang dikekalkan. Sehubungan itu, Kebenaran Merancang yang telah diberikan oleh MPSJ masih sah dan terpakai.</li> </ul> </li> <li>- MPSJ hendaklah memaklumkan keputusan ini kepada Lembaga Rayuan Selangor dan perkara ini tidak boleh dibincangkan / dihebahkan / disebar untuk pengetahuan pihak awam / pihak berkepentingan sehingga Lembaga Rayuan Selangor selesai membuat keputusan.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.11 Cadangan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur Secara Penswastaan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada 08.03.2010, mesyuarat penyelarasan KLOOR telah diadakan dan dipengerusikan oleh Y.B. Tn. Ir. Iskandar bin Abdul Samad (Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan). Mesyuarat bersetuju ke atas Opsyen 1, 7 dan 8 dan bersetuju untuk dikemukakan kepada Dato' Menteri Besar Selangor dan Exco untuk pandangan dan pertimbangan selanjutnya.</li> <li>- Mesyuarat seterusnya yang dipengerusikan oleh Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor pada 16.03.2010. Mesyuarat bersetuju mempertimbangkan Opsyen 1, 7 dan 8 berdasarkan kepada faktor-faktor sosial, fizikal dan juga alam sekitar. Y.A.B Dato' Menteri Besar memaklumkan akan meminta pandangan pakar daripada Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo berkaitan dengan jajaran tersebut.</li> <li>- Pada 31.03.2010, mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Mohd. Rafizi Ramli, Ketua Eksekutif, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Mesyuarat telah mengemukakan maklumat dan pandangan kepada wakil Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo dan UKM pakar runding terhadap opsyen 8.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyelarasan penyediaan DEIA telah di adakan di ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar pada 02.04.2010. Mesyuarat tersebut telah memutuskan jajaran tersebut diperincikan mengikut keperluan dan penemuan EIA.</li> <li>- Pada 14.04.2010, JPBD Negeri Selangor mengadakan mesyuarat bersama JMG Selangor mengenai cadangan Jajaran KLORR Opsyen 8. Mesyuarat telah bersetuju supaya Opsyen 8 diubahsuai setelah mengambilkira nasihat daripada Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo. Jajaran Opsyen 8 tersebut telah dianjakkan ke arah timur dan tidak melalui Permatang Kuartza.</li> <li>- Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 19.04.2010 kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah bersetuju terhadap cadangan Opsyen 8. Walau bagaimanapun cadangan tersebut perlu diubahsuai dengan dianjakkan ke arah timur dan mengambilkira faktor-faktor alam persekitaran serta meminimakan impaknya.</li> </ul>